

18/02/2001

Gerakan gesa semua parti hentikan mainan politik

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) meminta semua parti politik termasuk daripada komponen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang supaya menghentikan mainan politik sesama mereka.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, semua parti harus menumpukan usaha mengatasi masalah yang dihadapi rakyat terutama golongan bawahan yang semakin terpinggir daripada arus pembangunan.

Beliau berkata, golongan terbabit seperti pekerja berkemahiran rendah, kakitangan awam peringkat rendah, penduduk luar bandar dan golongan tidak terpelajar akan terus tersepit jika tiada langkah pembetulan diambil.

"Pengamatan Gerakan terhadap senario politik dalam negara mendapati berlaku terlalu banyak mainan politik di kalangan parti politik sehingga memesongkan tumpuan mereka daripada permasalahan yang dihadapi rakyat.

"Sebarang kejatuhan dalam ekonomi negara yang dijangkakan berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat akan menimbulkan bermacam lagi masalah termasuk konflik perkauman dan agama.

"Mereka sedang bermain politik bukan mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan itu. Tolong kurangkan mainan politik dan berikan jalan penyelesaian," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Gerakan di sini semalam.

Terdahulu beliau mempengerusikan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pusat Gerakan.

Sehubungan itu, Dr Lim berkata, Gerakan akan mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi bagaimana untuk menyelesaikan masalah berkenaan menerusi penyusunan semula ekonomi.

Beliau yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Gerakan akan terlebih dulu mengadakan dialog dengan Perdana Menteri bagi membincangkan serta mendapatkan maklum balas sebelum menyediakan memorandum itu.

"Saya sudah menyatakan hasrat itu kepada Perdana Menteri," katanya sambil menyatakan Gerakan selama ini mengelak mainan politik kerana lebih mengutamakan negara.

Ditanya apakah itu bermakna rancangan pembangunan ekonomi negara sedia ada gagal menangani masalah itu, Dr Lim berkata apa yang dilaksanakan sekarang tidak cukup untuk mengatasinya.

(END)